

Mohd Sabirin dilantik Setiausaha MAIS baharu

SHAH ALAM - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mohd Sabirin Mohd Sarbini dilantik sebagai Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkuat kuasa pada Rabu.

Pelantikan beliau menggantikan Dr Ahmad Shahir Makhtar yang menamatkan tempoh perkhidmatan pada Selasa.

MAIS memaklumkan, pihaknya menjunjung titah Sultan Selangor,

Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung pelantikan baharu berkenaan.

“Mohd Sabirin berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan dan Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pernah memegang beberapa jawatan penting di LZS termasuk Ketua Divisyen Kutipan, Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf dan Ketua Pegawai Eksekutif,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.